

Tiada campur tangan

» *IPT perlu
selesai
sendiri
isu pensyarah
salah guna
kuasa paksa
penuntut
berkempen*

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@mediaprima.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) tidak campur tangan dalam kes penyalahgunaan kuasa seorang pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) yang menggunakan pelajarannya bagi membantu kempen sebuah parti pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), baru-baru ini.

Ketua Pengarahnya, Prof Dr Mors-hidi Sirat, berkata pihak UPM sendiri perlu mengambil tindakan sewajarnya ke atas pensyarah berkenaan jika dak-

waan itu didapati berasas.

“Jika perkara ini berlaku lagi pada masa akan datang membabitkan institusi pengajian tinggi (IPT) dan pensyarah lain, institusi terbabit perlu mengambil tindakan sewajarnya kerana perkara ini isu dalaman serta perlu diselesaikan sendiri.

“Semua IPT ada kaedah dalam menyelesaikan masalah (salah laku kakitangan) dan dalam hal ini UPM mengambil langkah menubuhkan satu jawatankuasa siasatan bagi menyiasat laporan polis yang dibuat pelajarannya berhubung kes ini,” katanya ketika dihubungi *Varsiti*, kelmarin.

Jumaat lalu, akhbar melaporkan 15 pelajar UPM membuat laporan

► *Varsiti* 2

Jangan pengaruhi pelajar dengan politik



Prof Morshidi Sirat

◉ Dari muka 1

polis terhadap seorang pensyarah yang mengugut menggagalkan mereka dalam subjek yang diambil jika enggan berkempen untuk parti tertentu dalam PRU-13.

Bukti rakaman video dan audio ugutan itu diedar kepada media bersama laporan yang dibuat di Balai Polis Serdang, minggu lalu.

Jawatankuasa dibentuk

Pensyarah berusia 50-an itu mengugut pelajarinya yang berbunyi "Siswa boleh menggantikan keputusan ujian dengan mencari 200 jentera sebagai sukarelawan untuk menyokong jentera parti pembangkang. Sepuluh markah untuk 10 orang ahli parti, 10 markah untuk 10 sukarelawan. Jika tidak dapat jentera, markah akan dipotong."

Difahamkan, sejak tiga bulan lalu, semua pelajar jurusan sains terbabit terpaksa melakukan kerja kempen politik tanpa permit di Kampung Olak Lempit di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. Kerja kempen itu bagi menggantikan keputusan ujian walaupun tidak ada kaitan dengan subjek diambil mereka.

Berikutan kes itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan memutuskan untuk membentuk satu jawatankuasa dianggotai tiga profesor, seorang penasihat undang-undang dan pejabat pendaftar selaku sekretariat bagi menyasiasatnya.

Jangan campur aduk politik

Mengulas lanjut, Prof Morshidi berkata, mana-mana pensyarah sepatutnya hanya mengajar pelajar membabitkan subjek diambil di dalam dan bukan mempengaruhi mereka dengan fahaman politik.

"Tugas mereka mengajar dan perlu neutral ketika di dalam kuliah atau tidak bias kepada mana-mana pihak (parti politik).

"Biarlah pelajar membuat penilaian sendiri terhadap pihak mana yang mahu mereka sokong dan pensyarah perlu simpan dalam diri sendiri segala pandangan politik mereka," katanya.